UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR
AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : OGOS / 5 / 2026
M/S : 21

Belanjawan 2027 dijangka mesra rakyat, bantuan tunai dinaikkan

Belanjawan 2027 dijangka memberi penekanan lebih besar kepada kebajikan rakyat menerusi peningkatan bantuan bersasar, di samping memperkukuhkan perbelanjaan pembangunan bagi menangani tekanan kos sara hidup dan merangsang pertumbuhan ekonomi, menurut penganalisis.

Penganalisis Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mustazar Mansur, berkata belanjawan akan datang berkemungkinan menampilkan pendekatan lebih mesra rakyat, dengan fokus kepada golongan yang benar-benar memerlukan susulan peningkatan kos makanan, pendidikan, kesihatan serta perbelanjaan harian.

Beliau menjangkakan kerajaan akan meneruskan dan memperkukuhkan bantuan tunai seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA), termasuk kemungkinan meningkatkan kadar bantuan di bawah inisiatif SARA untuk semua.

Menurutnya, langkah itu dilihat selari dengan usaha membantu isi rumah berdepan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, selain mengambil kira ketidaktentuan ekonomi global yang dipengaruhi krisis geopolitik di Asia Barat sehingga menjejaskan bekalan tenaga dunia.

Mustazar Mansur

"Saya menjangkakan kenaikan bantuan SARA untuk semua. Bantuan SARA kepada golongan tertentu dan STR juga akan ditingkatkan," katanya kepada *BH*.

Selain bantuan tunai, Mustazar berkata, kerajaan dijangka memperkenalkan lebih banyak bantuan bersasar yang memberi tumpuan kepada keperluan asas rakyat, khususnya bekalan makanan, pendidikan dan barangan keperluan harian bagi memastikan kesejahteraan isi rumah terus terpelihara.

Beliau turut menjangkakan Belanjawan 2027 akan menyaksikan pengumuman kadar gaji minimum baharu serta perkembangan berkaitan pelaksanaan dasar gaji progresif bagi meningkatkan pendapatan pekerja dan mengukuhkan kuasa beli rakyat.

Sementara itu, PublicInvest Research berpendapat bahawa Belanjawan 2027 berkemungkinan mengambil pendekatan pengembangan fiskal secara terpilih dengan jumlah peruntukan keseluruhan dijangka melebihi RM470 bilion yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2026.

Menurutnya, peningkatan peruntukan itu didorong oleh pertumbuhan ekonomi nominal, pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), keperluan menangani tekanan subsidi, langkah meringankan kos sara hidup serta persediaan menghadapi keperluan penyampaian dasar menjelang pilihan raya.

Bagaimanapun, tumpuan utama bukan lagi kepada saiz keseluruhan belanjawan, sebaliknya kepada komposisi perbelanjaan yang lebih berkesan dan memberi impak langsung kepada rakyat.

PublicInvest Research berkata, perbelanjaan pembangunan (DE) dijangka terus menjadi petunjuk utama komitmen kerajaan dalam merangsang ekonomi selepas Belanjawan 2026 memperuntukkan RM81 bilion bagi tujuan itu.

Menurutnya, momentum pelaburan awam turut dijangka disokong oleh pelaburan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), pelaksanaan projek kerjasama awam-swasta (PPP) serta pelaburan badan berkanun bagi mempercepatkan pembangunan infrastruktur dan merangsang aktiviti ekonomi domestik.